

# PENGLIBATAN BURUH PERIKANAN FILIPINA DALAM PERUSAHAAN PERIKANAN PUKAT TUNDA DI KUDAT, SABAH\*

*Mohammad Raduan Mohd Ariff, Mazlan Majid &  
Yeap Hock Lai*

## **Abstract**

Malaysian fishing industry developed rapidly in the present time. This rapid development must be seen from the aspect of the increment of the boats, fishing tools and increased of catch in Malaysia. This achievement is the product of modernization process which is continually administered by Jabatan Perikanan Malaysia. The government encourages all the fishermen to make use the modern instruments such sonar, echosounder, GPS and communication tools. This improvement enables them to catch fish from the deep sea with more facility which in return increases the catch. However, the government find shortage on the availability of local fishers. To address this problem the government has to grant a permit to employers to employ foreign fishermen.

This article discusses the involvement of Filipino fishers in Trawl base-fishing industry in Kudat, Sabah. The discussion includes the background of fishing industry in Kudat, the process of the involvement of Filipino fishers, the push and pull factors among Filipinos in Sabah, the Filipino fishing activities and the salary system used by the local employers in hiring the Filipino fishers.

## **Perusahaan Perikanan Di negeri Sabah**

Sabah mempunyai garis pantai sepanjang 4,315 kilometer termasuk pulau dan lagon. Di keliling oleh Laut China Selatan di bahagian barat, Laut Sulu di bahagian utara dan Laut Sulawesi di bahagian timur. Keluasan perairan di Sabah telah meningkat dari 12 batu nautikal kepada 200 batu nautikal seperti yang telah ditetapkan dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Jadi keluasan perairan yang dimiliki oleh Sabah adalah kira-kira 51,360 kilometer persegi atau hampir 32 peratus dari keluasan Zon Ekonomi Eksklusif di Malaysia (170,773 kilometer persegi)<sup>1</sup>. Dengan memiliki kawasan perairan yang luas ini telah memberi kelebihan kepada Sabah untuk membangunkan perikanan laut dalam. Bagaimanapun sumber perikanan di negeri ini masih belum dibangunkan sepenuhnya, atau dengan kata lain masih "under exploitation". Aktiviti perikanan masih tertumpu pada perikanan pinggir pantai.

Sabah merupakan negeri maritim dan perikanan marin memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonominya. Perkembangan sektor perikanan di Sabah bermula pada awal abad ke-19 lagi. Perkembangan sektor perikanan di Sabah kesan daripada kemasukan tenaga kerja dari luar secara besar-besaran. Pertumbuhan pesat penduduk dari luar ini telah menyebabkan peningkatan permintaan sumber protein dari sumber perikanan.<sup>2</sup>

Pada tahun 2004, Sabah merekodkan pendaratan ikan laut sebanyak 190,371.18 tan metrik dengan nilai borong RM584.1 juta.<sup>3</sup> Selain dari itu, sektor perikanan Sabah juga menyediakan peluang pekerjaan kepada seramai 20,845 orang nelayan.<sup>4</sup> Pada tahun 2004 sektor perikanan menyumbang kepada pendapatan eksport sebanyak RM439.38 juta berbanding nilai import yang hanya bernilai RM103.6 juta. Ini menjadikan sektor perikanan memberi pulangan sebanyak RM335.781 juta dalam imbalan dagangan Negeri Sabah pada tahun 2004.<sup>5</sup>

Pukat tunda telah menjadi perkakas penting dalam sektor perikanan negeri Sabah. Penggunaan perkakas moden ini yang mengalami proses ubah suai sejak ia mula diperkenalkan telah membawa kepada perkembangan pesat pendaratan ikan dan juga pembangunan prasarana seperti pusat-pusat pendaratan ikan dan juga penggunaan perkakas menangkap ikan moden. Pada tahun 2004 Jabatan Perikanan Negeri Sabah telah mengeluarkan sebanyak 1,264 lesen pukat tunda<sup>6</sup>. Penggunaan pukat tunda di Sabah melibatkan seramai 5,123<sup>7</sup> orang nelayan iaitu 25 peratus dari jumlah nelayan di Sabah. Dari segi pendaratan, pada tahun 2004 pukat tunda menyumbang sebanyak 67,211.97 tan metrik iaitu 35.30 peratus daripada jumlah pendaratan keseluruhan tahun tersebut.

Namun begitu, di sebalik perkembangan positif teknologi menangkap ikan ini, wujud beberapa isu dan masalah dalam sektor perikanan Negeri Sabah. Antara masalah yang dihadapi adalah perkembangan teknologi menangkap ikan tidak seiring dengan pembangunan sumber tenaga manusia yang akan menggunakan teknologi berkenaan. Keadaan ini berlaku akibat dari kekurangan penyertaan nelayan tempatan untuk bekerja di atas bot-bot pukat tunda. Pada tahun 2004 terdapat seramai 5,123 orang nelayan bekerja di atas bot pukat tunda dan dari jumlah ini seramai 2,632 orang (51 peratus) merupakan nelayan lain-lain<sup>8</sup>. Keadaan ini menunjukkan separuh dari buruh perikanan yang bekerja di atas bot-bot pukat tunda di Sabah adalah nelayan asing. Selain dari itu teknologi pukat tunda yang memerlukan tenaga kerja yang mahir untuk mengendalikan perkakas moden telah menyukarkan lagi usaha untuk mendapatkan tenaga buruh tempatan. Pada tahun 2004 terdapat seramai 5,767 orang buruh perikanan asing telah diluluskan untuk bekerja di Sabah dan daripada jumlah ini sebanyak 46 peratus terlibat dalam bot pukat tunda.

Keadaan ini berlaku apabila pendekatan pemodenan sektor perikanan di Sabah, tidak seiring dengan kemahiran dan minat nelayan tempatan untuk bekerja di atas bot-bot laut dalam. Apa yang berlaku ini menggambarkan keadaan yang tidak seimbang di antara dua kumpulan nelayan di kawasan kajian dan mewujudkan pola dualisme. Satu kumpulan dari kalangan nelayan tempatan yang menjalankan operasi menangkap ikan secara kecil-kecilan di atas bot tidak berjentera atau berjentera sangkut dengan pulangan yang kecil dan satu kumpulan lagi menjalankan operasi secara besar-besaran di atas bot-bot laut dalam dengan pulangan yang lebih lumayan.

## **Perusahaan Perikanan Di Kudat**

Kudat merupakan daerah yang paling utara di Sabah bersempadan dengan daerah Kota Marudu. Pada tahun 2004, sektor perikanan di Kudat menyumbang sebanyak 10 peratus kepada pendaratan ikan Negeri Sabah, iaitu sebanyak 19,657.62 tan metrik berbanding pendaratan keseluruhan Sabah sebanyak 190,371.18 tan metrik. Sektor perikanan di Kudat pada tahun 2004 menyediakan sebanyak 2,915 peluang pekerjaan iaitu menyumbang sebanyak 14 peratus dari keseluruhan 20,845 orang nelayan di Sabah. Dari segi perkakas yang digunakan, nelayan paling ramai menggunakan pancing iaitu 1,362 unit dan diikuti dengan pukat tunda 563 unit dan seterusnya pukat rantau 311 unit.

Dari segi bilangan vesel menangkap ikan di Kudat terdapat sebanyak 1,266 buah bot yang terdiri daripada bot berenjin dalam sebanyak 936 buah diikuti bot berenjin sangkut 255 buah dan selebihnya bot tanpa enjin 75 buah. Daerah perikanan di Kudat adalah kedua terbanyak dari segi bilangan bot, selepas daerah Sandakan yang mempunyai 1,699 buah bot.

Kerajaan Negeri Sabah berusaha memajukan perusahaan perikanan dengan membangunkan perusahaan perikanan laut dalam melalui kemajuan dalam penggunaan pukat tunda. Bagaimanapun pada masa ini pihak pengusaha menghadapi masalah untuk mendapatkan tenaga kerja yang mencukupi. Langkah jangka pendek kerajaan di dalam mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh perikanan yang semakin menekan majikan tempatan, adalah dengan memberi kebenaran kepada majikan untuk menggaji buruh perikanan asing. Pihak majikan telah menggunakan peluang yang diberikan oleh kerajaan ini, dengan membawa masuk tenaga buruh dari negara jiran dengan bantuan agensi atau menguruskan sendiri.

## **Proses Kemasukan**

Penghijrahan buruh Filipina ke Sabah telah berlaku sejak zaman penjajah lagi tetapi tidak mempunyai rekod yang jelas. Bagaimana pun bilangan mereka terus meningkat selepas Sabah menyertai Malaysia pada tahun 1963. Keadaan ini disebabkan Sabah memerlukan tenaga buruh dari luar untuk membangunkan ekonomi pada ketika itu. Tambahan pula antara tahun 1972 hingga 1984 berlaku pergolakan politik di Selatan Filipina melibatkan Kumpulan Front Pembebasan Bangsa Muslim MORO, yang sedikit sebanyak telah menjadi penyebab kepada kemasukan rakyat dari Filipina ke Sabah.

Hampir keseluruhan mereka beragama Islam (98.0 peratus) dan bakinya beragama Kristian. Mereka berasal dari suku kaum Suluk dan Bajau, yang datang dari pelbagai tempat di Selatan Kepulauan Filipina, termasuklah dari Kepulauan Sulu. Antara pulau berkenaan seperti Pulau Maimbung, Pulau Mindanao, Zamboanga, Pulau Basilan, Pulau Palawan, Pulau Tawi-Tawi, Pulau Bisaya, Pulau Cayagan, Pulau Mangsi dan Pulau Balabac.<sup>9</sup>

Buruh-buruh Filipina agak mudah masuk ke Sabah sebelum tahun 1980. Mereka dengan bebas dan sewenang-wenangnya boleh berulang-alik di antara Filipina dan Sabah. Bagaimanapun semenjak penghujung tahun 1980 hingga sekarang, proses kemasukan buruh Filipina ke Sabah telah diperketat. Pada tahun


1989, kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (FSTF) untuk memantau kemasukan buruh asing secara bebas di Sabah. Untuk memastikan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, pihak kerajaan telah mengawal secara ketat proses kemasukan buruh Filipina ke Sabah termasuklah yang ingin terlibat sebagai buruh perikanan. Antara agensi yang terlibat dalam pengurusan kemasukan buruh perikanan Filipina ke Sabah ialah Jabatan Imigresen Malaysia, Sabah, Jabatan Tenaga Kerja, Sabah dan Jawatankuasa Pengendalian Buruh Asing. Lain-lain jabatan yang turut membantu ialah Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sebelum kuota penggunaan buruh asing dalam sektor perikanan diluluskan, beberapa syarat perlu dipatuhi oleh majikan dalam sektor perikanan. Syarat berkenaan antaranya, majikan yang ingin mengambil buruh asing mestilah mempunyai kedudukan kewangan syarikat yang stabil dan tidak pernah melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang buruh. Sekiranya semuanya dalam keadaan baik, Jabatan Tenaga Kerja akan meluluskan kuota pengambilan buruh dan tempoh sah diakui selama 36 bulan. Dengan surat kelulusan ini, pihak majikan boleh menyerahkan senarai nama-nama buruh perikanan Filipina yang telah dikenal pasti kepada Jabatan Tenaga Kerja bersama-sama surat kuota dari Jawatankuasa Pengendalian Buruh Asing untuk diproses. Dalam masa yang sama satu salinan lesen kebenaran menggaji pekerja bukan pemastautin akan dikeluarkan.

Selepas itu, majikan perlu melalui satu proses untuk memohon pas lawatan kerja sementara bakal pekerja mereka dengan Jabatan Imigresen Malaysia, Sabah. Permohonan ini perlu disertakan bersama-sama dengan dokumen sokongan seperti surat kelulusan kuota pekerja asing dan lesen menggaji pekerja bukan pemastautin yang diluluskan sebelum ini untuk mendapatkan surat kelulusan pas lawatan kerja yang dikenali sebagai *landing clearance* dan sah diakui selama setahun. Di dalam surat ini dicatatkan dengan lengkap bilangan buruh yang diluluskan bersama-sama dengan identiti mereka seperti tarikh lahir dan nombor pengenalan diri seperti yang terdapat dalam pasport. Bagi pemegang kad pengenalan IMM13<sup>10</sup> boleh membuat permohonan untuk mendapat pas lawatan sosial / *Journey Performance Visa* (JPV) dengan Jabatan Imigresen Malaysia di tempat mereka tinggal. Tetapi bagi mereka yang tidak mempunyai kad pengenalan IMM13 masih boleh masuk ke Sabah sebaik sahaja pasport mereka dicop dengan "pas khas" dan dokumen ini sah diakui selama setahun.

Setelah buruh perikanan Filipina berada di Sabah, pihak majikan perlu membuat permohonan untuk mendapatkan pas pekerja dari Jabatan Imigresen Malaysia sebagai bukti mereka diambil bekerja secara sah. Untuk mendapat kelulusan ini pihak majikan perlu memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan seperti membayar *bank guarantee* (RM250.00), levi (RM360), pas pekerja (RM60.00), kos proses (RM10.00), *multiple entry visa* (RM15.00), *FOMEMA*<sup>11</sup> (RM200.00), JPV (RM15.00) dan premium insurans (RM360.00) setahun. Apabila pekerja asing telah mendapat kelulusan permit kerja, pihak majikan akan menyimpan permit tersebut. Ini sebagai langkah untuk mengelakkan daripada berlakunya perpindahan buruh perikanan secara bebas ke bot lain. Semua kos akan dibiayai oleh majikan terlebih dahulu, dan akan dipotong secara ansuran daripada gaji pekerja Filipina, bermula dari pendapatan bulan pertama. Majikan membuat potongan sedikit demi sedikit bertujuan supaya mereka tidak merasa bebanan kewangan dan akan terus bekerja dengan majikan berkenaan.

**Carta Aliran Proses Permohonan Permit Kerja Dalam Sektor Perikanan**



**Permohonan Kuota**

- Majikan mesti mempunyai kewangan syarikat yang kukuh.
- Tidak pernah melanggar undang-undang buruh.

**Permohonan Lesen Menggaji Buruh Asing**

- Sah diakui selama 36 bulan.

**Pas Lawatan Kerja Sementara**

- Surat kelulusan kuota
- Lesen menggaji pekerja bukan pemastautin.
- Sah diakui selama 12 bulan.

**Permohonan Pas Pekerja**

Syarat yang perlu dipatuhi :

Bank Guarantee	- RM250.00
Levi	- RM360.00
Pas Pekerja	- RM 60.00
Kos Proses	- RM 10.00
Multiple Entry Visa	- RM 15.00
FOMEMA	- RM200.00
JPV	- RM 15.00
Premium Insuran	- RM360.00
<b>Jumlah Kos</b>	<b>- RM1270.00</b>

**Faktor-Faktor Kemasukan Buruh Perikanan Filipina Di Kudat, Sabah**

Kemasukan buruh perikanan Filipina ke Kudat, Sabah secara besar-besaran disebabkan oleh beberapa faktor tolakan dan faktor tarikan. Dalam hal ini soalan telah dikemukakan kepada 50 orang responden, yang menanyakan sebab-sebab mereka meninggalkan negara asal dan sebab-sebab mereka berhijrah ke Kudat, Sabah. Responden dibenar menandakan lebih daripada satu jawapan. Hasil kajian mendapati antara faktor tolakan yang memaksa mereka meninggalkan negara asal ialah kemiskinan (64%); peluang pekerjaan terhad (56%); dan kepupusan sumber perikanan (32%). Manakala faktor yang menarik mereka untuk berhijrah ke Kudat, Sabah disebabkan di Kudat mudah mendapat peluang pekerjaan (54%), pendapatan lebih tinggi berbanding negara asal (94%), suasana bekerja yang baik (27%), pelbagai kemudahan disediakan (33%), persamaan sosiobudaya di antara tempat asal dengan Kudat (62%) dan kedudukan geografi Kudat yang berhampiran dengan Filipina (58%).

## **Faktor Tolakan**

### **Kemiskinan**

Faktor kemiskinan yang dialami oleh buruh perikanan Filipina telah menggalakkan penghijrahan mereka secara beramai-ramai ke Sabah. Pihak kerajaan Filipina lebih menumpukan proses pembangunan di Pulau-pulau besar di bahagian utara. Keadaan ini telah menyebabkan arus pembangunan tidak sampai ke pulau-pulau kecil di Selatan Filipina. Pembangunan ekonomi yang mundur ini telah menekan penduduk pulau-pulau berkenaan mencari peluang pekerjaan di tempat lain. Tumpuan utama mereka adalah negara Malaysia dan negeri berkenaan adalah Sabah. Keadaan ekonomi rantau ini yang tidak stabil telah meningkatkan tekanan hidup dengan ketiadaan peluang pekerjaan serta kemiskinan. Ini seperti yang berlaku semasa krisis ekonomi yang melanda Asia Tenggara dalam tahun 1997.

### **Peluang Pekerjaan Terhad**

Keadaan geografi selatan Filipina yang terdiri daripada pulau-pulau kecil yang jauh dari pusat pentadbiran kerajaan telah menyebabkan sektor ekonomi tidak berkembang. Kelembapan pembangunan ekonomi telah menyebabkan bahagian pulau-pulau selatan Filipina ini hanya tertumpu pada satu atau dua sektor ekonomi sahaja. Secara umum peluang pekerjaan hanya ada dalam sektor pertanian sahaja, khasnya sektor perikanan yang menjadi nadi utama pembangunan pulau-pulau berkenaan. Oleh kerana berlakunya penumpuan yang berlebihan, maka telah mewujudkan persaingan dalam mendapatkan sumber perikanan marin di kawasan tersebut. Persaingan yang wujud menyebabkan sumber perikanan semakin terhad dan hasil tangkapan nelayan semakin merosot. Kesukaran untuk mendapat peluang pekerjaan telah mendesak mereka meninggalkan negara asal.

### **Kepupusan Sumber Perikanan**

Penggunaan teknologi moden yang meluas dan tanpa had telah memberi kesan buruk kepada industri perikanan di Filipina. Penggunaan bot dan peralatan moden untuk menangkap ikan di kawasan pinggir pantai mendatangkan masalah kepada nelayan pinggir pantai kerana penggunaan pukut tunda secara besar-besaran turut mengaut ikan baja yang terdiri daripada anak-anak ikan yang masih kecil yang tidak mempunyai nilai komersial. Di sini berlaku pembaziran dan seterusnya mengurangkan hasil tangkapan nelayan kecil-kecilan seperti yang berlaku di Manila Bay dan Pangull Bay. Menurut jangkaan FAO pada tahun 1995, jika penduduk Filipina masih memandang remeh isu penangkapan ikan secara berlebihan, dan tidak bertanggungjawab terhadap kawasan pinggir pantai, maka bekalan ikan dan sumber yang berkaitan dijangkakan mengalami kejatuhan sebanyak 40 juta tan metrik ikan pada tahun 2010.<sup>12</sup> Kesukaran untuk mendapatkan hasil perikanan telah menyebabkan nelayan pinggir pantai meninggalkan sektor perikanan ini dan beralih kepada pekerjaan di daratan dan ramai yang telah berhijrah ke Sabah untuk menjadi buruh perikanan.

## **Faktor Tarikan**

### **Pendapatan Lebih Tinggi**

Mereka tahu kadar upah yang bakal diperoleh jauh lebih tinggi berbanding dengan pendapatan yang diterima di negara asal. Ini berdasarkan pengalaman rakan-rakan mereka yang pernah bekerja di Sabah. Selain daripada mendapat pendapatan mengikut bulan, sesetengah buruh perikanan berusaha menambahkan pendapatan mereka dengan menjalankan kerja sampingan seperti memancing ikan semasa bot berada di tengah laut. Hasil pancing yang diperoleh, dimiliki oleh mereka sepenuhnya dan majikan tidak mengambil sedikit pun daripada hasil tersebut. Dalam hal ini mereka boleh menambahkan pendapatan kerana tidak perlu mengeluarkan sebarang kos dan umpan yang digunakan boleh diambil di atas bot. Hasil tangkapan ini akan dijual sendiri kepada peraih ikan semasa bot masuk ke jeti. Selain daripada itu terdapat juga buruh perikanan Filipina mendapat pendapatan tambahan dari penjualan ikan di laut secara haram tanpa pengetahuan majikan. Penjualan ikan di laut untuk memperoleh pendapatan tambahan juga berlaku hampir di semua syarikat dan bot perikanan pukut tunda di Sabah<sup>13</sup>. Pendapatan yang diterima dari hasil pancing dan penjualan ikan secara haram ini, kadang kala lebih tinggi daripada gaji yang diterima setiap bulan.

### **Tawaran Peluang Pekerjaan**

Kurangnya penglibatan tenaga kerja tempatan, telah menyukarkan pihak kerajaan dan majikan tempatan dalam membangunkan sektor perikanan di Sabah, khususnya di Kudat. Masalah ini telah mendesak pihak majikan bergantung sepenuhnya kepada tenaga buruh asing. Mereka akan mengambil buruh perikanan Filipina memandangkan kesanggupan mereka bekerja keras di atas bot berbanding dengan nelayan tempatan. Faktor ini telah mendorong majikan tempatan terus mengambil mereka bekerja sekiranya diperlukan.

Kebiasaannya sarang akan memaklumkan hal ini kepada majikan terlebih dahulu dan membawa calon yang difikirkan sesuai berjumpa dengan majikan untuk dipertimbangkan. Kebiasaannya majikan akan menerima cadangan dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh sarang kerana ia merupakan orang yang paling dipercayai untuk pengurusan kerja-kerja di atas bot. Kepercayaan sepenuhnya yang diberikan oleh majikan kepada sarang telah melancarkan pengurusan di atas bot dan tidak menjejaskan operasi ke laut. Hasil kajian mendapati selalunya pengambilan buruh perikanan Filipina terdiri daripada saudara mara dan kawan rapat kepada sarang sesebuah bot. Selain sahabat handai dan sanak saudara, buruh perikanan juga dipilih setidak-tidaknya dari pulau dan wilayah yang sama.

### **Suasana Bekerja Yang Baik**

Terdapat juga sesetengah buruh perikanan Filipina di Kudat, Sabah pernah bekerja dalam sektor perikanan di Sabah sebelum ini. Pengalaman lalu telah membuatkan mereka merasakan Sabah merupakan destinasi yang paling sesuai untuk mereka membina kehidupan yang lebih baik lagi. Antara ciri-ciri keistimewaan yang dirasakan semasa bekerja di Sabah seperti mendapat layanan yang baik oleh pihak majikan. Mereka juga merasa selesa bekerja dalam sektor perikanan di Sabah kerana boleh berinteraksi dan menjalin hubungan baik dengan rakan-rakan yang

juga kebanyakannya berasal dari negara yang sama. Begitu juga dengan penerimaan pihak berkuasa yang tidak terlalu memberi tekanan kepada mereka dalam mematuhi peraturan-peraturan imigresen, dan dengan sebab itu terdapat juga buruh-buruh perikanan yang datang tanpa melalui peraturan yang sah.

Selain daripada itu hubungan dengan ketua di atas bot iaitu sarang, adalah sangat baik. Seperti yang telah dijelaskan, sarang mempunyai kuasa sepenuhnya kepada buruh perikanan yang dipilih bekerja di atas bot. Tambahan pula buruh perikanan yang terlibat mempunyai persamaan dari segi suku kaum dan tempat asal dengan sarang. Bagi mereka yang pernah bekerja sebagai buruh perikanan sebelum ini, mereka lebih diberi keutamaan kerana telah mempunyai pengalaman.

### **Penyediaan Pelbagai Kemudahan**

Buruh perikanan Filipina sangat berminat bekerja sebagai buruh perikanan kerana kebajikan mereka sentiasa dijaga oleh majikan. Antara kemudahan yang disediakan termasuklah bekalan keperluan dapur yang mencukupi sepanjang mereka berada di laut. Di samping itu pihak majikan juga menyediakan kemudahan hiburan seperti televisyen dan perakam video di dalam bot supaya awak-awak boleh menghilangkan kebosanan semasa berada di tengah laut. Selain itu pihak majikan juga sangat prihatin ke atas semua pekerja dan menanggung semua kos rawatan sekiranya pekerja mereka sakit atau berlakunya kemalangan di atas bot.

Kesanggupan majikan menjaga kebajikan kesemua pekerja mereka menyebabkan sesetengah daripada pekerja akan terus bekerja dengan majikan yang sama setelah permit kerja mereka diperbaharui pada kali kedua. Kecekapan dan kebijaksanaan pengurusan yang dijalankan oleh majikan untuk mengekalkan buruh perikanan Filipina untuk terus bekerja di atas bot mereka tidak dipersoalkan, walaupun gaji yang diterima oleh pekerja adalah kecil. Bagi buruh perikanan Filipina, mereka cukup berpuas hati dengan segala kemudahan yang disediakan oleh majikan. Dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut, mereka tidak lagi perlu memikirkan soal tempat tinggal, makanan dan hiburan. Pendapatan yang diterima setiap bulan boleh digunakan untuk perbelanjaan lain sama ada di Sabah mahupun di negara asal mereka.

### **Persamaan Sosiobudaya**

Faktor ramai penduduk di Filipina berhijrah ke negara Malaysia khususnya di Sabah disebabkan mereka telah beranggapan bahawa Sabah merupakan sebahagian daripada negara mereka. Persamaan sosiobudaya telah memberi keyakinan dan harapan kepada mereka untuk terus menetap di sini. Sesetengah buruh perikanan Filipina berpersepsi bahawa sekiranya menghadapi masalah mereka mudah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi kerana sesetengah daripada buruh perikanan Filipina telah mempunyai ikatan kekeluargaan dengan penduduk Kudat kerana pada tahun 1970-an dan 1980-an, ramai pelarian dari selatan Filipina telah berjaya mendapat kerakyatan dari Kerajaan Malaysia ketika itu.

### **Kedudukan Geografi Yang Berhampiran Dengan Filipina**

Dari segi geografinya, kedudukan Kudat dengan kawasan Kepulauan Sulu adalah terlalu dekat. Keadaan selatan Filipina yang mempunyai ratusan pulau-pulau kecil telah memudahkan kemasukan buruh perikanan Filipina ke Kudat. Ini kerana



pulau-pulau ini dijadikan tempat persinggahan dan juga berlindung daripada angin ribut dan ombak besar. Selain daripada itu, mereka juga boleh berlindung dari penglihatan pihak berkuasa. Jarak antara pulau-pulau ini adalah berhampiran antara satu sama lain, dan juga berhampiran dengan daerah Kudat itu sendiri. Sebagai contoh masa yang digunakan dari Pulau Tembisan ke Kudat hanya mengambil masa selama sejam. Dianggarkan jarak dari pantai Kudat ke pantai Pulau Tembisan kurang daripada 30 batu nautika. Jarak yang dekat ini membolehkan buruh perikanan Filipina sampai ke Kudat dengan lebih cepat dan selamat. Kebanyakan mereka menggunakan bot laju yang boleh sampai dalam masa yang singkat ke Kudat dari pulau-pulau berkenaan.

### Aktiviti Buruh Perikanan

Secara umumnya aktiviti buruh perikanan di atas bot pukut tunda boleh dikelaskan kepada tiga tahap iaitu semasa persiapan sebelum keluar ke laut, semasa di tengah laut dan semasa pendaratan ikan di jeti. Semasa menjalankan tugas terdapat pengkhususan pekerjaan mengikut kepakaran masing-masing. Pada kebiasaannya, di atas bot perikanan pukut tunda terdapat lapan orang pekerja, seorang sarang, seorang pembantu sarang, seorang juru pukut, seorang mekanik, seorang tukang masak, dua orang juru *winch*, seorang juru sauh dan seorang juru *casebox*.

Sebelum bot keluar ke laut, kerja-kerja persiapan yang sering kali dilakukan oleh buruh perikanan Filipina ialah memastikan bot dan semua perkakas yang hendak digunakan berada dalam keadaan baik. Di sini mekanik akan memastikan enjin bot, *winch*, lampu *sportlight* dan sebagainya berfungsi dengan baik. Sekiranya berlaku kerosakan pada alat tersebut, ia akan terus dibaiki atau digantikan dengan yang baru. Juru pukut akan memastikan pukut yang hendak digunakan tidak koyak dengan melakukan pemeriksaan teliti di setiap bahagian pukut yang akan digunakan. Sekiranya terdapat bahagian pukut yang koyak, ia akan *dibubu* sebelum bot bergerak ke laut. Kerja-kerja di atas akan dijalankan secara berkumpulan. Bagi awak-awak yang tidak begitu mahir dalam selok-belok *membubu*, mereka akan membantu melakukan kerja-kerja yang lain seperti memasukkan tali ke dalam *chabang* supaya kerja *membubu* boleh dilakukan dengan lebih pantas.

Sarang dan pembantu sarang berperanan sebagai pengurus operasi bagi sesebuah bot pukut tunda. Sarang akan bertindak sebagai ketua di atas bot. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam menentukan jadual perjalanan bot ke laut dan juga menentukan bila dan lokasi yang sesuai untuk menurunkan pukut. Untuk meringankan tugas, sarang akan dibantu oleh pembantunya semasa berada di jeti ataupun di tengah laut. Tugas utama pembantu sarang ialah mengurus dan menyampaikan arahan yang diterima secara langsung dari sarang kepada pekerja semasa di jeti ataupun di tengah laut. Kebiasaannya pembantu sarang juga akan bertindak sebagai pengemudi bot semasa di tengah laut.

Tukang masak akan mengurus dan menentukan semua bekalan dapur yang diperlukan telah dibeli secukupnya. Bahan-bahan yang diperlukan akan disenaraikan dan diserahkan kepada majikan dan terdapat juga sesetengah tukang masak akan membeli semua barang dapur yang diperlukan dengan menggunakan wang perbelanjaan yang diambil dari sarang. Semasa di tengah laut, tukang masak akan memastikan sarapan, makan tengah hari, minum petang dan makan malam disediakan secukupnya, kerana kerja-kerja di atas bot memerlukan tenaga yang banyak.

Juru *casebox* yang memainkan peranan semasa kerja-kerja penggredan ikan melakukan kerja setelah pukut dinaikkan ke atas bot. Juru *casebox* akan mengeluarkan air batu dari petak ikan mengikut jumlah yang diperlukan. Selain daripada menjalankan kerja-kerja penggredan ikan, Juru *casebox* juga akan memastikan bahawa hasil tangkapan disimpan dalam keadaan baik di dalam petak ikan supaya kesegaran hasil tangkapan boleh dikekalkan. Untuk melancarkan kerja-kerja ini ia turut dibantu oleh awak-awak yang lain kerana kerja-kerja penggredan ikan mengambil masa yang lama, iaitu antara dua hingga tiga jam bergantung kepada hasil tangkapan.

Manakala dua orang Juru *winch* akan bersiap sedia sebaik sahaja mendengar siren yang dibunyikan oleh sarang apabila sampainya masa untuk menaikkan pukut. Mereka akan bersiap sedia di sebelah *winch* dan memastikan bahawa tali tunda dapat dinaikkan dengan baik supaya kerja-kerja untuk menurunkan pukut untuk seterusnya dapat dijalankan dengan lancar. Kerja-kerja untuk menaikkan tali tunda perlu dijalankan dengan pantas mengikut kelajuan *winch* berputar dan awak-awak yang lain akan mengeluarkan bakul-bakul yang diperlukan untuk mengisi hasil tangkapan.

Secara dasarnya pekerjaan di atas bot pukut tunda mempunyai pengkhususan tertentu. Walaupun wujud pengkhususan, kerja-kerja yang dijalankan adalah secara berkumpulan. Oleh sebab terdapat perbezaan dari segi kepakaran dan pengkhususan, maka ganjaran atau upah yang diberikan kepada pekerja adalah berbeza antara seorang dengan yang lain mengikut tugas masing-masing.

### **Sistem Pembayaran Pendapatan**

Pembahagian pendapatan akan dilakukan setiap bulan, dan pada setiap bulan tidak lebih dari enam trip keluar ke laut. Kaedah pembahagian pendapatan dilakukan dengan menggunakan kaedah komisen dan sistem gaji tetap. Majikan menetapkan pembayaran sedemikian bertujuan untuk memberi galakan dan semangat kepada buruh perikanan Filipina supaya berusaha untuk meningkatkan hasil tangkapan setiap kali mereka keluar ke laut. Dalam hal ini mereka boleh menentukan sendiri dan membuat perancangan untuk mendapat pendapatan lebih berdasarkan hasil tangkapan yang diperolehi pada bulan tersebut.

Walaupun kaedah pembayaran di atas digunakan di Kudat untuk bot pukut tunda, namun begitu majikan masih boleh menetapkan beberapa kategori untuk menentukan kaedah yang sesuai digunakan. Antara pelan pembayaran yang digunakan oleh majikan seperti ditunjukkan dalam jadual 1.1 di bawah. Kaedah ini memperlihatkan bahawa sarang akan memperoleh pendapat yang jauh lebih lumayan berbanding dengan awak-awak yang lain. Ini kerana sarang adalah orang terpenting selepas majikan dan beliau telah mendapat kepercayaan sepenuhnya untuk mengendali dan menguruskan semua kerja di laut. Walaupun awak-awak lain mengetahui tentang perbezaan pendapat yang diterima oleh sarang tetapi mereka tidak menunjukkan tanda-tanda tidak berpuas hati. Sebaliknya mereka sentiasa menghormati dan taat setia kepada arahan sarang. Ini disebabkan pekerja-pekerja Filipina dapat bekerja di atas sesebuah bot perikanan, di atas sokongan dan jaminan sarang.


Pendapatan sebagai buruh perikanan di Sabah adalah sederhana. Untuk mengelakkan buruh perikanan Filipina daripada berpindah ke bot lain atau berhenti bekerja, majikan akan menawarkan pelbagai ganjaran seperti memberi

**Jadual 1.1: Pendapatan Bulanan Buruh Perikanan Filipina Mengikut Jawatan Di Atas Bot Pukat Tunda Di Kudat, Sabah**

Pengkhususan Jawatan	Hasil Pendapatan Kasar Mengikut Harga Jualan Borong					
	RM50,000 – RM70,000		RM20,000 – RM49,999		Kurang dari RM20,000	
	Komisen	Gaji Tetap	Komisen	Gaji Tetap	Komisen	Gaji Tetap
Sarang	7%	Tiada	6%	Tiada	5%	Tiada
Pembantu Sarang	2%	Tiada	1.8%	Tiada	1.5%	Tiada
Juru Masak	1%	RM100.00	1%	RM100.00	1%	RM100.00
Juru Pukat	1%	RM100.00	1%	RM100.00	1%	RM100.00
Mekanik	1%	RM100.00	1%	RM100.00	1%	RM100.00
Juru Winch	1%	RM100.00	1%	RM100.00	1%	RM100.00
Juru Casbox	1%	RM100.00	1%	RM100.00	1%	RM100.00
Juru Sauh	1%	RM100.00	1%	RM100.00	1%	RM100.00

Sumber : Hasil Kajian Lapangan

**Rajah 1.1: Anggaran Pendapatan Bulanan Buruh Perikanan Filipina Mengikut Jawatan Di Atas Bot Pukat Tunda Di Kudat, Sabah**



Kaedah Pengiraan Mengikut Harga Jualan Borong RM70,000.00.

ganjaran kepada mereka sebanyak RM1,050.00 dalam satu trip bagi pekerja bot perikanan pukut tunda yang berjaya mendaratkan ikan nilai borong tertinggi yang tidak kurang daripada RM20,000.00.<sup>14</sup> Pelbagai insentif yang diberikan oleh majikan, secara tidak langsung telah menimbulkan semangat di kalangan buruh perikanan untuk terus melibatkan diri sebagai buruh perikanan di atas bot pukut tunda.

## Kesimpulan

Kemasukan buruh perikanan Filipina di Kudat, Sabah secara keseluruhannya amat berhubung rapat dengan motif ekonomi. Adalah jelas bahawa sektor perikanan di Malaysia sedang berdepan dengan era globalisasi. Buruh perikanan dari negara jiran sedang mara dalam mengeksploitasi perbatasan sumber perikanan yang ada di rantau Asia Tenggara. Mana-mana nelayan dari negara asing yang sedang mengalami masalah kekurangan sumber perikanan, teknologi dan persaingan akan beralih lokasi operasi ke kawasan-kawasan yang masih kaya dengan sumber perikanan dan teknologi yang sedang berkembang serta mengalami masalah kekurangan sumber manusia seperti daerah Kudat, Sabah. Keterbukaan pihak berkuasa Malaysia dalam menerima buruh perikanan asing ini untuk menampung keperluan sumber manusia untuk meneroka sumber perikanan di laut dalam, telah mendorong kemasukan mereka untuk bekerja di atas bot-bot pukut tunda di Kudat.

Situasi bekerja dalam kumpulan suku kaum, kenalan, malahan saudara masa dari suku yang sama; layanan baik dari majikan serta sistem pembahagian pendapatan yang menyenangkan menyebabkan buruh perikanan Filipina terus berada di Kudat dan sentiasa bersedia memanjangkan tempoh kontrak pekerjaan setelah kontrak sedia ada tamat. Bukan itu sahaja ramai yang bersedia bekerja di Sabah, walaupun menyalahi peraturan negara itu. Pokoknya misi mereka berjaya iaitu berhasil mendapatkan peluang pekerjaan, memperoleh pendapatan yang jauh lebih baik dari tempat asal dan seterusnya berjaya meningkatkan taraf hidup keluarga.

## Nota Hujung

---

\* Perlu dijelaskan di sini, bahawa tulisan ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian lapangan tentang buruh perikanan asing di bawah tajuk "Permasalahan Pergantungan Kepada Buruh Perikanan Asing Dalam Perusahaan Pukat Tunda Di Sabah" yang dibiayai oleh Universiti Malaya di bawah Geran SF090/2007A.

<sup>1</sup> WWF Malaysia, *Fisheries In The Malaysian – Sabah Portion Off The Sulu Sulawesi Marine Ecoregion*, 31 August 2001, hlm. 7.

<sup>2</sup> Penjelasan lanjut sila lihat, Mohammad Raduan Mohd Ariff, *Perusahaan Perikanan Di Sabah*, (Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2006).

<sup>3</sup> *Perangkaan Tahunan Perikanan 2004*, (Sabah: Jabatan Perikanan Sabah, 2006), hlm. 3.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 9.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 146.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 142.

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 142.

<sup>9</sup> Mohammad Azzam Manan, "Perkembangan Penghijrahan masuk Buruh perikanan Asing Ke Sabah," *Jati*, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, hlm. 79.

<sup>10</sup> IMM13 dikenali sebagai *passport kuning* atau dokumen pengenalan yang dimiliki khas antara tahun 1970-an hingga 1980-an oleh pelarian dari Filipina dan keturunannya yang tidak sempat mendapatkan kerakyatan Sabah.

<sup>11</sup> Fomema ialah surat kesihatan yang dikeluarkan oleh agensi pemantauan bukan kerajaan kepada pekerja asing setiap kali membuat permohonan atau pembaharui permit kerja.

<sup>12</sup> Stuart J. Green, Alan T. White, Jimely O. Flores, Marciano F. Carreon III dan Asuncion E. Sia, *Philippine Fisheries in Crisis A Framework for Management*, (Cebu City, Philippines 2003), hlm. 15.

<sup>13</sup> Mohammad Azzam Manan, "Penglibatan Buruh Perikanan Asing Dalam perusahaan Perikanan Pukat Tunda dan Pukat jerut di Sabah," (Tesis Master, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, 2007), hlm. 208.

<sup>14</sup> *Ibid.*, hlm. 209.